

21 MAR 2003

S'pura-Perhubungan/I

MALAYSIA PERLU PERBAIKI PERHUBUNGAN AWAM, KATA PENGARANG "BIG IN ASIA"

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 21 MAC (Bernama)-- Sering terjadi, isu-isu kecil mengenai Malaysia diperbesarkan oleh media antarbangsa. Tentu ramai yang bertanya mengapakah begitu jadinya?

Pengarang bersama buku berjudul "Big in Asia" (2003), Michael Backman berkata, contohnya, serbuan pihak berkuasa terhadap pejabat akhbar online, Malaysiakini, menjadi bukti terbaru tentang kenapa nilai perhubungan awam luar yang baik "tidak boleh sekali-kali dipandang ringan".

Dalam tulisannya dalam akhbar tabloid, "Today" beliau berkata, malangnya, pengamal teori konspirasi besar geMAR menggunakan perkara itu untuk menghentam kerajaan Malaysia.

"Hakikatnya ialah, sering terjadi, dalam keghairahan mereka untuk menarik perhatian pegawai atasan masing-masing, para pegawai rendah akan bertindak lebih daripada apa yang sepatutnya," kata Backman yang juga pengarang buku "Asian Eclipse".

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai "sebuah negara di Asia yang mencapai prestasi rendah dalam bidang perhubungan awam dan maklumat", Backman mengambil contoh bagaimana perkara itu telah memberi peluang kepada akhbar The Melbourne Age untuk mengkritik Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyiarkan tajuk utamanya "Mahathir Raids Internet Critic" pada 22 Jan.

Sebenarnya, kata beliau, Dr Mahathir tidak pernah menyerbu pejabat akhbar itu. "Beliau sendiri mungkin tidak tahu tindakan tersebut akan dibuat, tapi akhbar Australia melanyak beliau dengan tuduhan tersebut."

Backman berkata, semasa melawat Perth minggu lepas, beliau terbaca tajuk utama sebuah akhbar di Australia Barat yang berbunyi "Mahathir Won't Be Missed" (Pemergian Mahathir Tidak Dianggap Satu Kehilangan) yang merujuk kepada hasrat Dr Mahathir untuk bersara Oktober ini.

Laporan yang disiarkan oleh akhbar itu, kata Backman, bukan saja merendahkan kedudukan Dr Mahathir serta kejayaan yang telah beliau capai, malah membuat perbandingan secara tidak adil antara beliau dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri.

"Hakikatnya ialah Dr Mahathir adalah salah seorang ahli politik yang paling pintar di Asia dan rakyat Malaysia menikmati kemakmuran yang tidak pernah diduga di bawah kepimpinan beliau," kata Backman.

Tetapi, mengapakah Malaysia dan Dr Mahathir digambarkan sedemikian buruk?, katanya.

Pertanyaan ini dijawab sendiri oleh Backman dengan berkata apa yang kerap terjadi ialah keputusan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia serta proses yang membawa kepada terhasilnya sesuatu keputusan itu tidak diberi penjelasan penuh.

Pihak media, katanya, dilihat seperti musuh sedangkan ia sepatutnya dianggap kawan yang boleh digunakan untuk menyampaikan dasar kerajaan dan memberi penjelasan secara panjang lebar mengenainya kepada orang ramai.

"Penjelasan yang dibuat selalunya terlalu bersifat defensif atau tidak berkesan," katanya.

Sungguhpun demikian, katanya, wartawan tetap menjadi penghubung antara kerajaan dan pengundi dan mereka adalah orang tengah bagi demokrasi dan perlu sentiasa dianggap begitu.

Backman berkata, apabila aspek perhubungan awam tidak begitu diberi perhatian, maka dua perkara akan terjadi.

Pertama, ia akan menyebabkan wartawan menyimpan niat buruk dan

menganggap wujudnya konspirasi sedangkan hakikatnya tidak demikian.

Kedua, kata Backman, ia akan memberi ruang kepada pencipta khabar angin di Kuala Lumpur bekerja dengan sebebaskan-bebasnya hingga ke tahap apa saja gosip liar tentang tokoh perniagaan dan politik dibuat tanpa dikenakan sebarang tindakan.

--BERNAMA

SS SP MAI